

**SOALAN NO. 150****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN****MESYUARAT KETIGA, DEWAN RAKYAT****PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS****MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAPAN LISAN**

**DARIPADA : DR. MANSOR BIN ABDUL RAHMAN (SIK)**

**TARIKH : 23 OKTOBER 2017 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**Dr. Mansor Bin Abdul Rahman (Sik) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan statistik ibu tunggal yang tidak mempunyai pendapatan atau bantuan untuk menyara keluarga mereka dan apakah langkah yang di ambil untuk membantu mereka.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI  
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN  
MASYARAKAT**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Pembangunan Wanita komited membantu golongan wanita serta ibu tunggal dalam memastikan kesejahteraan hidup kumpulan ibu tunggal dan tanggungannya terjamin.

Bilangan ibu tunggal yang berdaftar di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Pembangunan Wanita sehingga bulan September 2017 ialah seramai 83, 325 orang. Daripada jumlah tersebut, statistik ibu tunggal yang tidak mempunyai pendapatan yang dikemaskini pada September 2017 melalui portal myWanita adalah seramai 212 orang.

Pelan Pemerkasaan Ibu Tunggal adalah antara kesungguhan pihak kerajaan untuk membantu golongan ini. KPWKM melalui JPW telah

141

merangka program untuk mencapai Pelan Pemerkasaan Ibu Tunggal tersebut dengan menyediakan peluang untuk meningkatkan penglibatan diri dalam bidang keusahawanan melalui program **Inkubator Ibu Tunggal (I-KIT)** dan **Inkubator Keusahawanan Wanita (I-KeuNita)** atau yang kini dikenali dengan nama ***Development of Women Entrepreneurs Initiative (DEWI)***. Program DEWI menggunakan konsep inkubator atau latih dan bimbing (*hand holding*) di mana peserta akan diberikan latihan kemahiran dan penyeliaan yang rapi agar mereka mampu menjana pendapatan dan meningkatkan kualiti hidup.

Program ini dilaksanakan di seluruh negara menerusi Pejabat Pembangunan Wanita Negeri (PPWN), Biro Wanita Sarawak (BWS) dan Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah (JHEWA).

Pencapaian **I-KIT** sejak program ini mula diperkenalkan pada tahun **2008** sehingga **31 Disember 2016** menunjukkan seramai **5,294** wanita telah menyertai program ini. Daripada jumlah tersebut seramai **2,359** iaitu **44.6%** orang ibu tunggal telah **berjaya menjadi usahawan** selepas menyertai program ini.

Sehingga Jun 2017, bilangan program bagi pelaksanaan program DEWI pula adalah sebanyak 18 program dan jumlah peserta telah meningkat dari tahun 2016 seramai 212 orang peserta hingga ke Jun 2017 adalah seramai 349 orang peserta.

Selain daripada itu, KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) juga menyediakan pelbagai skim bantuan kewangan bulanan dan sekaligus memberi faedah kepada kumpulan sasar seperti keluarga miskin termasuklah kepada ibu-ibu tunggal yang memerlukan.

Jumlah keseluruhan bantuan yang telah disalurkan oleh Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat sehingga Jun 2017 ialah **RM731.50 juta** melibatkan **376,132** orang penerima. Daripada jumlah tersebut sejumlah **38,811** orang penerima iaitu kira-kira **10.13%** adalah merupakan ibu tunggal yang melibatkan peruntukan sejumlah **RM87.81 juta**.

Ibu tunggal yang menerima bantuan melalui skim **Bantuan-Kanak-Kanak (BKK)** adalah paling ramai iaitu sejumlah **21,651** orang penerima melibatkan peruntukan sejumlah **RM46,61 juta** sehingga Jun 2017. Daripada jumlah tersebut sejumlah **19,587** orang penerima adalah terdiri dari ibu tunggal

yang bercerai atau ditinggalkan suami, manakala kira-kira **2,064** adalah dari kategori ibu tunggal yang kematian suami. BKK diberikan kepada keluarga yang sedang memberi jagaan kepada anak/kanak-kanak berumur 18 tahun ke bawah, dengan kadar RM100 sebulan seorang dan kadar maksimum ialah RM450 sebulan sekeluarga melebihi empat (4) orang kanak-kanak.

Penerima bantuan kategori ibu tunggal yang menerima **Bantuan AM (BA)** adalah merupakan kedua tertinggi iaitu sejumlah **11,657** orang penerima melibatkan peruntukan sejumlah **RM25.34 juta**. Daripada jumlah tersebut sejumlah **8,687** orang penerima adalah terdiri dari ibu tunggal yang bercerai atau ditinggalkan suami, manakala kira-kira **2,970** adalah dari kategori ibu tunggal yang kematian suami menerima manfaat dari bantuan ini. Bantuan AM ini diberikan kepada golongan miskin yang memerlukan bagi membantu menampung perbelanjaan harian keluarga dengan kadar RM100 sebulan dan kadar maksimum RM350 sebulan sekeluarga.

Kelayakan minima bagi mendapatkan bantuan ini adalah berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) 2014 yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU), JPM iaitu pendapatan keluarga di bawah

144

RM930 sebulan bagi Semenanjung, RM990 bagi Sarawak dan RM1,170 bagi Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : DR. MANSOR BIN ABDUL RAHMAN [SIK] DARIPADA**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Dr. Mansor Bin Abdul Rahman [Sik] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan jumlah terkini guru berduka lara yang telah diterima permohonan pertukaran untuk mengikuti pasangan masing-masing dan baki permohonan yang masih belum diluluskan.**

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Seramai seramai 9,357 guru yang tinggal berasingan dengan pasangan telah berjaya dipindahkan mengikut pasangan masing-masing mulai Januari 2016 hingga Oktober 2017 seperti butiran berikut:

| <b>BIL</b>    | <b>SEKOLAH</b> | <b>PERMOHONAN</b> | <b>KELULUSAN</b>          | <b>BAKI</b>               |
|---------------|----------------|-------------------|---------------------------|---------------------------|
| 1             | Rendah         | 7,516             | 5,615                     | 1,901                     |
| 2             | Menengah       | 6,024             | 3,742                     | 2,282                     |
| <b>JUMLAH</b> |                | <b>13,540</b>     | <b>9,357<br/>(69.10%)</b> | <b>4,183<br/>(30.89%)</b> |

Tempoh masa bagi guru untuk bertukar adalah berdasarkan kepada merit/wajaran iaitu merit/wajaran yang tinggi diberi keutamaan.